



# KOPI PAHIT

Tuan Ong, Datuk Bandar Singapura diberitakan telah berasa dihinakan dalam Majlis Jamuan Teh Kaum Arab meraikan Tengku Abdul Rahman. Ia mengatakan bahawa mengikut tata tertib ia di dalam daerah bandaran mestilah duduk bersamaan dengan Ketua Menteri Tuan Lim Yew Hock. Straits Times, di dalam memberitakannya ini mengatakan Tuan Ong **lambat 25 minit dan ia memakai hanya baju kemeja sahaja**. Kalau kerana tempat duduknya, dengan sebab lambat terjauh dari kerusi Ketua Menteri dipandanginya sebagai suatu penghinaan maka harus pula orang-orang yang mengadakan majlis itu **terasa pula terhina** kerana Tuan Ong hanya memakai **kemeja** sahaja padahal ia duduk di meja yang kehormat. Kalau begitu – sama-sama bung.

\* \* \*

Sukarno menuduh bahawa kuasa-kuasa asing (maksudnya Amerika?) adalah menyokong gerakan yang dilancarkan oleh Dewan Nasional menuntut (mulanya) supaya Jemaah Menteri Juanda diberhentikan diganti oleh Dr Hatta dan Hamengkubuwono dan Dewan Nasional (kemudiannya) kerana Sukarno membantah mereka tidak mengakui Sukarno. Des. Alwi, Pegawai Penerangan pihak *revolutioner* tertawa mendengar kata Sukarno itu sambil berkata: Sememangnya Sukarno suka menuduh-nuduh orang, sedang ia sendiri tidak mahu memperbaiki dirinya sendiri. Benar bung! Sukarno selalu menuduh orang dan menepuk dada seperti orang takbur tetapi tentang memperbaiki dirinya jauh sekali!

\* \* \*

Tengku Abdul Rahman di dalam ucapannya di Jamuan Teh Arab Union dikatakan menyatakan bahawa kita tentu tidak dapat menyelenggarakan cita-cita Islam dengan tidak kita berbaik-baik dan berbantu-bantuan dengan orang lain bangsa. Beliau memberi bandingan kepada negeri “Islam” yang lain. Daripada ucapan ini jelas beliau tidak cukup faham

tentang apa yang dikatakan kerajaan Islam itu kerana daripada ucapan itu seolah-olah memberi kesan bahawa pengajaran Islam yang berpandu kepada Kitabullah dan sunnah rasul-Nya tidak boleh dijalankan dan tidak boleh berbuat baik dengan lain-lain bangsa. Mudah-mudahan sesudah beliau pergi **haji tahun ini** dapat beliau mengkaji dan mendalami pengertian **Islam bernegara** supaya agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu sebenar-benarnya berdaulat kelak.

\* \* \*

Majalah-majalah Times, Times of New York dan Newsweek seperti Qalam juga telah diharamkan masuk ke Indonesia. Sebabnya tidak lain kerana mereka itu membawa riwayat-riwayat di sebalik tabir hal Sukarno. Times dikatakan telah mencitrakan pertemuan Sukarno dengan **kenalan lamanya** gadis Jepun. “Orang yang berkenal lama” dan tentunya lama tidak berjumpa dan harus telah T. S. T. Tentulah berasa rindu di antara satu dengan lain – tidak seperti kenalan baharu kerana orang baharu malu-malu bung! Tidakkah begitu – tanya orang. Benar bung orang lama **kenalan lama** kalau bertemu tentu **teringat peristiwa lama**. W a d u u h !!

\* \* \*

“Orang” di Kuala Lumpur dikatakan sudah tidak sedap duduk kerana ada “orang Arab” mahu buka surat khabar Melayu yang menjadi tandingannya. Ia sekarang membuka pula silat lamanya lalu membuka sejarah perpecahan dengan mengatakan pihak baharu itu bukan hak rakyat sehingga ia lupa bahawa ahli syernya juga banyak orang-orang yang sebangsa dengan perusahaan baharu. Yang hebat lagi khabarnya di buatnya pula secara “**culas**” lamanya **dengan mengugut** mana-mana wakilnya yang mahu jual jualan orang baharu akan diberhentikan menjual barangnya. Syabas bung! beginilah orang kita kalau berniaga – **mahu sendiri** sahaja **jalan**, mahu satu suara sahaja diterima dan didengar walaupun suaranya seperti kumbang merah yang berbau merah air bulu merah dan mengaku taat kepada Islam kalau dilihatnya orang Islam kuat. Apa namanya ini? Orang bertanya. Namanya musang berbulu ayam bung. Betulkah? - mahu tau betul tak betulnya tanya teman lamanya. Siapa? Sudah tentu.

- Cemeti al-Farouk